

Terdapat dua jenis PVR Astro seperti yang ditunjukkan seperti di bawah:

Pertama, sila periksa jenis PVR Astro anda dengan mengesahkan sama ada terdapat ikon Wi-Fi di panel PVR anda. Bergantung kepada sama ada PVR anda mempunyai akses Wi-Fi atau tidak, sila ikuti langkah-langkah seperti di bawah:



- Astro PVR dengan keupayaan akses ke Wi-Fi
 - Tekan butang 'Home' dan pilih 'Tetapan' > 'Rangkaian' > 'Wi-Fi'
 - PVR akan mengimbas rangkaian Wi-Fi yang tersedia. Pilih rangkaian Wi-Fi rumah anda >

Masukkan kata laluan Wi-Fi jika diperlukan. Setelah disambungkan, ikon  akan muncul di skrin.

Tip: Gunakan remot Astro anda untuk memasukkan kata laluan.

- Sekarang anda boleh memuat turun dan menikmati On Demand. Tekan 'Home' > Pilih 'On Demand' dan semak mengikut kategori.



- Astro PVR tanpa keupayaan akses Wi-Fi
Anda mempunyai dua pilihan:

- Menggunakan kabel Ethernet (LAN)
Pasangkan kabel LAN dari modem ke port rangkaian PVR. Setelah disambungkan, ikon akan muncul di skrin
- Gunakan dongle Wi-Fi Astro.



2 cara mudah untuk mendapatkan dongle PERCUMA*.

- Hubungi kami di 03-9543 3838 untuk memesan dongle secara PERCUMA *. Dongle akan dihantar ke alamat pengedaran anda dalam masa 7 hari bekerja.
- Dapatkan di [Pusat Service Pelanggan Astro](#)

Setelah menerima dongle anda, sila ikuti langkah berikut:

- Pasangkan dongle Wi-Fi ke port USB di PVR anda.
- Sebaik sahaja anda melakukan ini, akan muncul peringatan yang menyatakan "Adakah anda mahu menyambung ke Rangkaian Tanpa Wayar?", Pilih 'Ya, teruskan'.
- Pilih rangkaian Wi-Fi rumah anda dan masukkan kunci rangkaian anda (kata laluan) jika

diperlukan. Setelah disambungkan, ikon  akan muncul di skrin

Tip: Gunakan remot Astro anda untuk memasukkan kata laluan.

- Sekarang anda boleh memuat turun dan nikmati On Demand. Tekan 'Home' > Pilih 'On Demand' dan saksikan rancangan kegemaran anda.

[Nota: Dongle Wi-Fi direka untuk digunakan dengan PVR sahaja. Ia TIDAK akan berfungsi dengan mana-mana peranti lain termasuk dekoder Astro yang lain.]

Nota: Yuran sebanyak RM50 akan dicaj kepada bil seterusnya jika anda tidak menyambung dongle Wi-Fi percuma anda ke PVR dan Wi-Fi rumah anda untuk memuat turun sekurang-kurangnya satu rancangan On Demand dalam tempoh 30 hari selepas menerima dongle Wi-Fi Astro.